

BENTUK KERTAS SOALAN

Pengeluaran Tanaman Kertas 2 (8881/2) mengandungi dua bahagian iaitu:

- Bahagian A Mengandungi lapan soalan berbentuk struktur. Calon dikehendaki menjawab semua soalan dalam bahagian ini.
- Bahagian B Mengandungi dua soalan yang berkaitan dengan kemahiran amali dan spesimen yang dibekalkan.

Calon perlu menjawab kedua-dua soalan dalam bahagian ini. Calon diperuntukan masa satu jam tiga puluh minit untuk menjawab semua soalan dalam kertas ini.

PRESTASI KESELURUHAN

Prestasi calon pada keseluruhannya adalah memuaskan. Mereka dapat memberi jawapan dengan baik dan tepat. Cuma ada beberapa soalan sahaja calon tidak dapat menjawab dengan tepat kerana ada beberapa fakta penting tidak dinyatakan.

PRESTASI MENGIKUT KUMPULAN CALON**Calon Dalam Kumpulan Tinggi**

Calon dapat memahami kehendak soalan. Jawapan calon adalah tepat dan menepati kehendak soalan. Huraian dan isi jawapan calon adalah sangat baik. Fakta dan contoh yang diberi adalah berkaitan dengan soalan yang dikemukakan. Calon juga mendapat markah yang maksima dalam soalan kemahiran amali.

Calon Dalam Kumpulan Sederhana

Calon masih dapat memahami kehendak soalan. Jawapan calon kurang mantap kerana fakta dan huraian yang diberikan calon tidak mencukupi dengan kehendak soalan. Calon kurang menguasai fakta dalam mata pelajaran ini.

Calon Dalam Kumpulan Rendah

Calon tidak dapat menguasai isi jawapan dan fakta dengan berkesan. Jawapan calon adalah tidak tepat dengan kehendak soalan. Calon dalam kumpulan ini agak lemah dalam memberi fakta kerana mereka tidak menguasai mata pelajaran ini.

PRESTASI TERPERINCI**Bahagian A****Soalan 1**

Prestasi calon dalam soalan ini amat memuaskan di mana kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan tepat. Calon juga faham dengan grafik iaitu pekerja sedang menyembur racun tetapi tidak meneliti dengan tepat sebelum menjawab soalan. Calon

sepatutnya menyatakan apakah langkah keselamatan yang telah diabaikan oleh pekerja tersebut semasa kerja meracun berdasarkan grafik.

Soalan 2

Prestasi calon dalam soalan ini amat memuaskan di mana sebahagian besar calon dapat menjawab soalan ini dengan tepat. Ada sebahagian kecil calon silap menanda bahagian yang perlu disapu dengan hormon pengakaran. Calon sepatutnya menanda pada label yang betul dengan meneliti grafik terlebih dahulu sebelum menjawab soalan.

Soalan 3

Prestasi calon dalam soalan ini adalah sederhana kerana ramai calon tidak menjawab soalan ini dengan baik. Calon tidak mengingati proses dari peringkat memungut buah hingga penyimpanan biji benih dengan tepat. Calon perlu menjawab berkaitan dengan langkah-langkah dalam proses dari peringkat memungut buah hingga penyimpanan biji benih.

Soalan 4

Prestasi calon dalam soalan ini amat memuaskan di mana sebahagian besar calon dapat menjawab soalan ini dengan tepat. Cuma ada sebilangan kecil calon tidak dapat menyatakan kelebihan sistem penanaman siku keluang berbanding segiempat. Ada juga calon silap memberi jawapan sistem siku keluang dengan segiempat. Calon sepatutnya dapat melakar sistem penanaman siku keluang dengan menunjukkan kedudukan pokok kekal dan pokok pengisi.

Soalan 5

Prestasi calon dalam soalan ini tidak memuaskan kerana sebahagian besar calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan tepat mengikut kehendak soalan. Calon tidak dapat menyatakan amalan untuk mengurangkan masalah lelehan getah pada buah mangga. Calon juga sering menjawab berkaitan waktu pungutan hasil bukan merujuk kepada amalan pertanian. Calon sepatutnya memberi jawapan dengan merujuk kepada amalan pertanian untuk mengurangkan masalah lelehan getah pada buah mangga selepas dipetik.

Soalan 6

Prestasi calon dalam soalan ini tidak memuaskan di mana kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan tepat. Calon tidak dapat menyatakan bahan X dan peringkat umur pokok yang paling sesuai dengan tepat. Calon sering memberi jawapan yang salah untuk cara lain dalam pemberian bahan penggalak bunga tanaman nanas. Sebilangan besar calon memberi jawapan membaja. Calon sepatutnya menyatakan nama bahan penggalak bunga dan satu cara lain untuk pemberian hormon selain yang ditunjukkan dalam grafik.

Soalan 7

Prestasi calon dalam soalan ini tidak memuaskan di mana kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan tepat. Calon tidak dapat mengingati fakta yang berkaitan penyakit dan perosak tanaman betik. Calon sepatutnya memberi jawapan berdasarkan jenis penyakit, perosak dan cara kawalan tanaman betik seperti yang dikehendaki berdasarkan pernyataan yang diberikan dalam jadual berkaitan.

Soalan 8

Prestasi calon dalam soalan ini sederhana di mana ada sebahagian calon tidak dapat menjawab soalan ini. Calon tidak dapat mengingati fakta yang berkaitan percabangan pokok koko. Calon juga sering keliru antara jeket dengan cupon. Calon sepatutnya menjawab soalan ini berdasarkan grafik iaitu lakaran percabangan pokok koko yang menunjukkan kedudukan jeket pada pokok koko.

Bahagian B

Soalan 1

Prestasi calon dalam soalan ini amat memuaskan kerana sebahagian besar calon mendapat markah yang maksima. Soalan ini memerlukan calon melakukan kerja amali iaitu calon perlu melakukan penanaman biji benih kacang tanah dengan bahan, radas dan spesimen yang dibekalkan mengikut cara yang betul. Calon dapat melakukan kemahiran amali dengan baik. Calon juga dapat menjawab soalan yang berkaitan kemahiran amali dengan baik dan tepat seperti kehendak soalan. Terdapat sebahagian kecil calon tidak dapat menjawab soalan berkaitan satu faedah daripada pembintilan akar kepada tanah.

Soalan 2

Prestasi calon dalam soalan ini adalah memuaskan di mana sebahagian besar calon dapat menjawab soalan ini dengan tepat. Ada sebilangan kecil calon tidak dapat menyatakan satu jenis serangga perosak utama bagi sayur tersebut. Calon juga sering menamakan sayur tersebut seperti sawi, bendi dan keledak bukan jenis sayur yang sepatutnya diberikan oleh calon. Calon sepatutnya menamakan jenis sayur tersebut bukan memberi nama sayur yang dijadikan spesimen iaitu sayur jenis daun, buah dan umbisi. Calon juga perlu menamakan serangga perosak utama yang menyerang tanaman sayur sawi dan bendi iaitu seperti ulat ratus yang menyerang tanaman sawi.

SARANAN KEPADA CALON

1. Membaca dan memahami kehendak soalan dengan teliti sebelum menjawab soalan.
2. Sentiasa membuat latihan menjawab soalan tahun sebelumnya.
3. Banyakkan membuat ulangkaji terutama berkaitan fakta penting.
4. Merangka jawapan terlebih dahulu sebelum menjawab soalan supaya jawapan lebih teratur dan tiada fakta penting yang tertinggal.

SARANAN KEPADA GURU

1. Mempelbagaikan kaedah pengajaran dan pembelajaran.
2. Banyakkan memberi latihan menjawab soalan kepada calon.
3. Mendedahkan kepada calon teknik menjawab soalan yang betul.
4. Memberi penekanan kepada fakta penting semasa pengajaran dan pembelajaran.